



KENYATAAN MEDIA

PERASMIAN TREK EKOLOGI TAMAN BOTANI LABUAN SATU LANGKAH KE ARAH KELESTARIAN ALAM DAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Labuan, 13 JUN 2025 – Taman Botani Labuan hari ini melakar satu lagi pencapaian penting dalam usaha memelihara dan memperkasakan kesedaran alam sekitar dengan perasmian Trek Ekologi Taman Botani Labuan, satu inisiatif hijau yang menggabungkan elemen konservasi, pendidikan dan rekreasi dalam satu destinasi ekopelancongan yang unik.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Mohd Sukuran Taib, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, dan turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin masyarakat setempat.

Trek ekologi sepanjang 650 meter ini direka bentuk bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan flora tempatan, termasuk spesies tumbuhan nadir dan eksotik yang dikatalogkan khas untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan. Sepanjang laluan ini, papan interpretasi disediakan bagi memberi maklumat berguna tentang biodiversiti hutan, kepentingan pemeliharaan alam dan peranan komuniti dalam menjaga warisan semula jadi.

Menurut Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Perbadanan Labuan, "Trek Ekologi ini bukan sekadar laluan riadah, malah merupakan platform pembelajaran terbuka kepada pelajar, penyelidik dan masyarakat umum. Ia sejajar dengan komitmen kami untuk menjadikan Taman Botani Labuan sebagai pusat pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan biodiversiti yang unggul di rantau ini."

Perasmian ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan dalam menjadikan Labuan sebagai destinasi eko-pelancongan bertaraf antarabangsa, selaras dengan agenda pembangunan lestari negara.

Disediakan oleh:

**JABATAN HAL EHWAL KORPORAT
PERBADANAN LABUAN**